

MAKLUMAT KANDUNGAN PORTAL KBS

JABATAN / BAHAGIAN / AGENSI :

CAWANGAN TEKNIKAL DAN KUALITI LATIHAN (TK), BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA

FAQ

BAHASA MALAYSIA

1. Boleh saya tahu konsep latihan kursus yang ditawarkan di ILKBS?

Konsep Latihan	ILKBS ditubuhkan bertujuan untuk memberi pendekatan latihan berasaskan pendidikan Bina Insan dan Latihan Kemahiran kepada golongan belia. Pendidikan Bina Insan dilaksanakan melalui aktiviti keagamaan, kawad, kepimpinan, keusahawanan, ketatanegaraan, kemasyarakatan dan kesukanan. Latihan Kemahiran pula terdiri daripada kuliah teori (30%) dan latihan praktikal (70%).
Pelaksanaan Latihan Kemahiran di ILKBS (60-70%)	Merangkumi : Teori (30%) Latihan Amali (70%)
Pelaksanaan Latihan Bina Insan di ILKBS (20-30%)	Merangkumi : <ul style="list-style-type: none">• Subjek Umum (Keusahawanan, Bahasa Inggeris, Matematik, Teknologi maklumat dan subjek umum tenikal• Kawad• Ko-Kurikulum• Kerohanian (Pendidikan islam dan moral)• Kepimpinan• Kemasyarakatan• Ketatanegaraan

2. Adakah saya diberi peluang untuk mengulang jika saya gagal subjek dalam mana-mana peperiksaan?

Pelajar akan diberi peluang mengulang mengikut syarat-syarat seperti berikut:

Status pelajar dibenarkan mengulang	Status pelajar tidak dibenarkan mengulang
<ol style="list-style-type: none">1. Pengulangan dibenarkan sekali sahaja.2. Pelajar yang berstatus kedudukan lulus bersyarat3. Bagi pelajar yang telah tamat tempoh pengajian, Pengarah ILKBS boleh mempertimbangkan sekiranya terdapat permohonan atau rayuan daripada pelajar untuk menduduki pengulangan CGPA.4. Tempoh maksimum dibenarkan bagi persediaan peperiksaan ialah sebulan (30 hari). Makan-minum dan penginapan disediakan oleh ILKBS.	<ol style="list-style-type: none">1. Kehadiran kurang daripada 80% (< 80%) bagi elemen Kerja Kursus / LI / Core Ability / Projek Akhir.2. Tidak hadir tanpa kebenaran semasa sesi penilaian Teori Akhir / Amali Akhir.

3. Bagaimana cara saya ingin menuntut sijil jika hilang.

Sijil-sijil boleh dituntut dengan cara seperti berikut:

Jenis Sijil	Tatacara tuntutan
Sijil Kemahiran Malaysia	<p>Sekiranya berlaku kehilangan sijil, sila isikan borang JPK/S/PERSIJILAN/01 yang boleh diperolehi daripada laman web JPK dan kemukakan dokumen-dokumen berikut (ASAL) untuk mendapatkan salinan SKM:</p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="804 622 1238 757">1. Surat Akuan Sumpah - boleh menggunakan BORANG JPK/U/1022 (boleh ambil di kaunter JPK);<li data-bbox="804 757 1246 853">2. Surat Akuan dari Institut / Salinan Sijil / Rekod Penilaian Kumulatif / Portfolio;<li data-bbox="804 853 1283 1025">3. Bayaran RM55.00 bagi setiap satu sijil atau RM100 bagi sijil NDT dibuat menggunakan bank draf atas nama "Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran"; dan<li data-bbox="804 1025 1193 1122">4. Hantar borang ke Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
Sijil Tamat Latihan	Sekiranya berlaku kehilangan sijil, sila berhubung dengan Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB), KBS

4. Adakah program Inklusiviti Belia Autisme terhadap kepada belia autisme sahaja?

Program Latihan kemahiran Inklusiviti Belia Autisme adalah terbuka kepada belia yang memenuhi syarat pengambilan seperti berikut:

Syarat Permohonan	<ul style="list-style-type: none">● Warganegara Malaysia.● Berumur 17 – 30 tahun.● Pemohon memiliki kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)● Autisme kategori <i>Mild</i> dan <i>Hi Functioning</i>● Masalah pembelajaran● Boleh membaca, menulis dan mengira.● Boleh berdikari.● Mengisi Borang Penilaian Karakter Calon yang disediakan oleh KBS
Kaedah Pelaksanaan	10% Teori 90% Latihan Amali
Tempoh Latihan	Enam (6) bulan
Persijilan	Program inklusiviti belia autisme ini dipersijilkan oleh KBS dengan Sijil Modular dalam bidang berkaitan.
Penawaran Program	<ol style="list-style-type: none">I. Cullyventure - IKTBN SepangII. MyITcrew - IKTBN Dusun TuaIII. Rimau Cafe - Menara KBSIV. AusomeMerch - IKBN Kuala LangatV. Conejo Cafe - IKTBN Bukit MertajamVI. Amazing Cottage -IKBN KemasikVII. My Auserrie- IKBN Miri

5. Adakah kursus yang saya pelajari di ILKBS sesuai sekiranya saya berminat menjadi seorang usahawan?

Sesuai. Terdapat subjek umum keusahawanan yang akan diajar pada 3 semester sepanjang pengajian sehingga diploma. Modul keusahawanan digital ini dibangunkan dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC).

Konsep Latihan	<p>Pelajar ILKBS bakal diajar dan dilatih menerusi kaedah teori, praktikal dan komprehensif mengenai program Digital Keusahawanan sepanjang pengajian.</p> <p>Platform Go-eCommerce digunakan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan pelajar mempelajari E-Dagang secara dalam talian menerusi aplikasi yang disediakan oleh MDEC.</p> <p>Program Inkubator diperkenalkan kepada pelajar semester akhir sebagai usaha dan inisiatif untuk membimbing pembangunan produk dan keusahawanan.</p>
Manfaat	<ul style="list-style-type: none">● Graduan ILKBS yang dilatih mempunyai pengetahuan yang lebih khusus mengenai teknologi, seni visual, komunikasi, penyediaan skrip, pengurusan projek dan strategi pemasaran dalam bidang berkaitan.● Subjek Keusahawanan Digital memperkenalkan pelajar kepada konsep E-Dagang, penerapan teknologi internet dalam perniagaan.● Kemahiran E-Usahawan dapat membantu usahawan ILKBS memasarkan produk atau perkhidmatan dengan kos yang rendah serta efektif.

Disediakan oleh :



Nama : **MOHD SUHAIMI BIN MOHD DAUD**
Jawatan : **Pen. Pegawai Latihan Vokasional**
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Tarikh : 6/6/2023

Disemak oleh Ketua Jabatan :



Nama : **SITI HASMAH BINTI MUSTAPHA**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jawatan : **Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia**
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Tarikh : 6/6/23

Sila kemukakan maklum balas sebelum atau pada 6 Jun 2023 dan emel kepada ukk@kbs.gov.my.